

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**20 OKTOBER 2014**

---

**1. PENGANUGERAHAN SISTEM PEMANTAUAN PINTAR (SPP)  
DAN MPSP TELAH DISENARAI PENDEK UNTUK ANUGERAH  
INOVASI PERDANA MENTERI (AIPM)**

Untuk makluman, MPSP telah mendapat penganugerahan dalam Sistem Pemantauan Pintar (SPP) dan telah disenarai pendek untuk Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) pada tahun 2014. Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2014 yang telah diadakan pada 5 September 2014 di Dewan Perdana Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (AICC) dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri.

Penyampaian sijil kepada finalis AIPM 2014 telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara (KSN) semasa Majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) yang telah diadakan pada 9 Oktober 2014 di *Grand Ballroom, The Place @ One City* Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya Selangor. Wakil MPSP iaitu Encik Abdul Fikri Ridzauudin bin Abdullah, Penolong

Pengarah Kanan Bahagian Teknologi Maklumat telah menghadiri untuk penerimaan sijil berkenaan.

## **2. KEJAYAAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI DALAM KONVENTSYEN KUMPULAN KREATIF & INOVATIF (K.I.K) 2014 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

Konvensyen Kumpulan Kreatif & Inovatif telah diadakan pada 16 Oktober 2014 yang lalu merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dengan misi untuk memacu kegemilangan organisasi melalui sistem tadbir urus yang cekap, akauntabiliti dan telus budaya inovasi dan kreativiti menjadi fokus utama agar semua agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih berdaya saing. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menghantar penyertaan bagi kedua-dua kategori yang dipertandingkan dan merangkul kemenangan bagi kedua-dua kategori iaitu :

### **i) Kategori Pengurusan**

Nama Kumpulan : CMS Team

Tema : One Step Service Untuk Merakyatkan Perkhidmatan MPSP

Tajuk : Kesukaran Pelanggan Membayar Bil-Bil MPSP Terhad  
Kepada Hari Bekerja Dengan Cadangan Penyelesaian Kaunter  
Bergerak *Multiskill*.

Kategori yang dimenangi :

- a. Naib Johan Keseluruhan Kategori Pengurusan  
membawa pulang wang tunai RM 3000.00 + Trofi + Sijil
- b. Persembahan Terbaik Keseluruhan Konvensyen K.I.K  
membawa pulang wang tunai RM 500.00+Trofi+Sijil

**ii) Kategori Teknikal**

Nama Kumpulan : Professional Strategic Group (PSG)

Tajuk : Tangkapan Haiwan Berkeliaran Kurang Efisyen

Kategori yang dimenangi :

- a. Naib Johan Keseluruhan Kategori Teknikal  
membawa pulang wang tunai RM 3000.00 + Trofi + Sijil

**3. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada warga MPSP yang menganut agama Hindu

dan juga kepada seluruh penganut agama Hindu di Seberang Perai yang akan disambut pada 22 Oktober 2014 (Rabu).

#### **4. SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARRAM 1436H**

Dimaklumkan bahawa Awal Muharam (Maal Hijrah) 1436 Hijrah tahun ini adalah bersamaan dengan 25 November 2014 (Sabtu) dan merupakan Cuti Am Persekutuan. Saya dengan ini mengucapkan Salam Maal Hijrah kepada semua umat Islam di Seberang Perai khasnya.

#### **5. PENANG RUN 2014/2015**

Dimaklumkan bahawa Penang Run (20km half marathon & 8km Fun Run) akan diadakan pada 26 Oktober 2014 (Ahad) mulai 5:30 pagi bertempat di SJK (C) Pai Teik, Nibong Tebal. Saya dengan ini menjemput semua yang berada di sini ke program tersebut bagi memeriahkan lagi program anjuran Kerajaan Negeri bersama MPSP.

#### **6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobi Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada 2 November 2014 (Ahad). Manakala Program Senamrobi

Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 16 November 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 23 November 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**